Kemanusiaan Vol. 33, No. 2 (2026), 45–67

Penggunaan Jerangkap Samar oleh Gerila Parti Komunis Malaya (PKM) Sebagai Taktik Perang Gerila ketika Pemberontakan Bersenjata Kedua PKM

The Application of Booby Traps by the Communist Party of Malaya (CPM) as Guerrilla Tactics During the CPM Second Armed Insurrection

AMER FAWWAZ BIN MOHAMAD YASID

Faculty of Administrative Science and Policy Studies, Universiti Teknologi MARA, Seremban Campus, Negeri Sembilan, Malaysia

E-mail: amerfawwaz@uitm.edu.my

Published online: 30 October 2026

To cite this article: Amer Fawwaz bin Mohamad Yasid. 2026. Penggunaan jerangkap samar oleh gerila Parti Komunis Malaya (PKM) sebagai taktik perang gerila ketika pemberontakan bersenjata kedua PKM. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 33(2): 45–67. https://doi.org/10.21315/kajh2026.33.2.3

To link to this article: https://doi.org/10.21315/kajh2026.33.2.3

Abstract. *Booby traps are easy to produce with a lower manufacturing cost. Their use in asymmetrical warfare provides an operator with a tactical advantage by slowing enemy movement. The usage of booby traps was applied by the North Vietnamese Liberation Army and Vietcong guerrillas during the Vietnam War. It was also applied by the Communist Party of Malaya (CPM) guerrillas during the resurgence of the CPM from 1968 to 1989. However, the study of military booby trap applications in war and conflict remains limited and is not widely discussed by academics in Malaysia. This research was conducted to investigate the usage of booby traps by the CPM as a guerrilla warfare tactic. The research was based on the qualitative method based on the usage of primary and secondary data resources. The primary data were obtained through interviews and field observations. Meanwhile, the secondary data sources were academic books, theses, articles, journals and government reports. The findings showed that the application of booby traps by the CPM guerrillas had a significant effect in slowing down the security forces' movement and demoralising their fighting morale, affected by the deadly booby traps.*

Keywords and phrases: *Resurgence of CPM (1968–1989), Booby traps, Explosives and ordnances, Communist Party of Malaya (CPM)*

© Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2026. This work is licensed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY) (http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/).

Abstrak. Jerangkap samar yang digunakan dalam peperangan asimetrik telah memberikan kelebihan kepada penggunanya terutama dalam usaha memperlahankan pergerakan musuh semasa peperangan. Penggunaan jerangkap samar telah digunakan secara meluas oleh Tentera Pembebasan Vietnam Utara serta gerila Viet Cong ketika Perang Vietnam. Namun begitu, kajian yang melibatkan penggunaan jerangkap samar oleh pasukan tentera dalam konflik peperangan masih terhad serta tidak dibincangkan secara mendalam oleh ahli akademik dan pengkaji, khususnya di Malaysia. Gerila Parti Komunis Malaya (PKM) di Malaysia mengaplikasi jerangkap samar semasa menjalankan pemberontakan bersenjata komunis yang kedua. Kajian ini dijalankan bagi mengkaji penggunaan jerangkap samar oleh gerila PKM sebagai taktik peperangan gerila semasa pemberontakan bersenjata kedua PKM dari tahun 1968 hingga 1989. Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif berdasarkan sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer telah diperoleh melalui kaedah temu bual dan kajian lapangan manakala sumber sekunder melalui rujukan buku akademik, tesis, artikel jurnal serta dokumen rasmi kerajaan. Dapatan kajian menunjukkan penggunaan jerangkap samar oleh gerila PKM telah memperlihatkan kesan dalam memperlahankan pergerakan musuh serta menghancurkan moral anggota pasukan keselamatan.

Kata kunci dan frasa: Pemberontakan bersenjata kedua PKM 1968–1989, Jerangkap Samar, Letupan dan Ordinans, Parti Komunis Malaya (PKM)

Pendahuluan

Kebangkitan semula perjuangan subversif Parti Komunis Malaya (PKM) telah ditandai dengan pemberontakan bersenjata kedua PKM 1968–1989 menunjukkan satu era dalam menyemarakkan agenda penyebaran ideologi komunisme dan percubaan mewujudkan Republik Sosialis Malaya (ANM 2006/0007819 2016). Setelah menghadapi kekalahan ketika era Darurat Pertama 1948–1960, PKM telah berundur ke Selatan Thailand sebagai proses bina semula kekuatan organisasi PKM sehingga pada tahun 1968 apabila PKM secara rasminya telah melancarkan pemberontakan bersenjata untuk kali kedua (Ho 2015). Pemberontakan bersenjata kedua PKM 1968–1989 telah menunjukkan peningkatan kemampuan pasukan bersenjata PKM dalam menjalankan perang gerila terhadap pasukan keselamatan, apabila unit-unit bersenjata PKM telah mendapat latihan gerila daripada kader-kader yang didatangkan dari Parti Komunis China dan Parti Komunis Vietnam (Navaratnam 2001). Melalui kebangkitan ini penggempur PKM telah menggunakan jerangkap samar secara meluas sebagai senjata yang mampu menggugat dan mencorakkan dimensi baharu dalam perang gerila. Penggunaan jerangkap samar pada era pemberontakan bersenjata kedua PKM 1968–1989 bertujuan bagi memperlahankan pergerakan pasukan keselamatan dalam menjalankan operasi mencari dan memusnahkan musuh (Sharom 2001).

Penulisan berkaitan penggunaan jerangkap samar dalam konflik bersenjata amatlah terhad serta tidak difokuskan secara menyeluruh oleh ahli penyelidik serta pengkaji dalam bidang pengajian strategi pertahanan dan keselamatan. Hal ini kerana maklumat berkaitan penggunaan jerangkap samar dalam peperangan adalah terhad serta tidak diceritakan umum. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kajian literatur utama yang menyentuh isu penggunaan jerangkap samar dalam konflik bersenjata. Bern dalam buku bertajuk *Total Resistance* (1965) telah menerangkan penggunaan jerangkap samar bagi kumpulan penentang Perancis ketika melawan penaklukan tentera Nazi Jerman di Perancis pada era Perang Dunia Kedua. Penulis telah menunjukkan manual kaedah untuk menghasilkan jerangkap samar dengan menggunakan bahan-bahan letupan serta bahan-bahan mudah terbakar yang boleh didapati secara terbuka di pasar raya. Kaedah bagi memilih sasaran penting bagi tujuan sabotaj turut dilakarkan dalam buku penulisan beliau yang dapat difahami dengan mudah oleh pembaca. Penulisan Bern memperlihatkan kepentingan dari sudut strategik penggunaan jerangkap samar yang mampu menimbulkan kemusnahan dalam skala yang besar terhadap kekuatan pasukan musuh, sekiranya jerangkap samar tersebut diaplikasikan dengan kaedah yang betul oleh penggunanya.

Pada masa yang sama, Jabatan Arah Tentera Darat Amerika Syarikat turut menghasilkan sebuah manual lapangan bertajuk *US Army Guide to Boobytraps*: *Field Manual No.* 5-31 (United States Department of the Army 1965) yang menerangkan penggunaan jerangkap samar oleh Tentera Darat Amerika Syarikat ketika Perang Dunia Kedua. Jerangkap Samar telah digunakan sebagai taktik asas infantri dalam konteks peperangan konvensional. Walau bagaimanapun, penghasilan jerangkap samar oleh pasukan infantri Tentera Darat Amerika Syarikat hanya menggunakan bahan letupan bergred ketenteraan seperti dinamit, bom tangan, bahan letupan plastik serta bom pembakar. Penulisan ini menunjukkan bahawa penggunaan jerangkap samar sebagai salah satu daripada taktik peperangan konvensional dapat dilaksanakan melalui aplikasi penggunaan bahan letupan secara terlatih oleh pasukan tentera konvensional.

Rottman dalam buku bertajuk *World War II Allied Sabotage Devices and Booby Traps* (2010) telah menerangkan secara spesifik penggunaan jerangkap samar ketika era Perang Dunia Kedua 1941–1945. Kumpulan penentang di bawah tajaan agensi perisikan negara Amerika Syarikat dan British telah ditubuhkan di seluruh negara dalam kawasan Eropah ketika itu berada di bawah pemerintahan rejim Nazi Jerman. Kumpulan penentang telah dilengkapi dengan bahan letupan dan peralatan bagi membina jerangkap samar bertujuan melakukan sabotaj terhadap sasaran penting seperti landasan kereta api Nazi, markas dan garison ketenteraan musuh, saluran komunikasi musuh serta tiang-tiang elektrik yang berada di kawasan jajahan Jerman. Penggunaan jerangkap samar telah

menyebabkan berlakunya kehilangan nyawa terhadap anggota musuh sekali gus membantu kumpulan penentang untuk mendapat kemenangan melawan tentera Jerman di Eropah ketika Perang Dunia Kedua.

Navaratnam dalam buku bertajuk *The Spear and The Kerambit: The Exploits of* VAT 69, *Malaysia's Elite Fighting Force 1968–1969* (2001) telah menceritakan penggunaan jerangkap samar oleh PKM semasa beliau berkhidmat sebagai anggota operatif pasukan Komando 69 Polis Diraja Malaysia (PDRM) ketika era pemberontakan bersenjata kedua PKM 1968–1989. Unit-unit bersenjata PKM ketika itu telah menggunakan jerangkap samar bagi memperlahankan pergerakan pasukan keselamatan dalam menjejaki musuh di kawasan hutan. Navaratnam menjelaskan, penggunaan jerangkap samar oleh gerila PKM mampu dihasilkan sendiri dengan menggunakan bahan-bahan yang boleh didapati di kedai-kedai barangan runcit seperti bateri, wayar, belerang, bahan peluntur, paku dan besi. Proses penghasilan jerangkap samar yang mudah serta tidak memerlukan teknologi tinggi telah menjadikannya sebagai senjata pilihan gerila PKM pada era pemberontakan bersenjata kedua PKM 1968–1989. Sementara itu, Leong dalam buku bertajuk *Scorpio on the Dragon Demise: The Second Malayan Communist Insurgency Emergency 1970–1990* (2012) telah menerangkan penggunaan jerangkap samar sebagai taktik baharu gerila PKM ketika era pemberontakan bersenjata kedua PKM tahun 1970. Gerila PKM ini telah mendapat latihan pembuatan jerangkap samar di Markas Besar PKM yang terletak di Betong, Selatan Thailand. Penggunaan jerangkap samar oleh PKM adalah hasil daripada pengalaman jurulatih yang didatangkan khas dari Parti Komunis Vietnam yang berpengalaman luas dalam menjalankan taktik peperangan gerila ketika Perang Vietnam 1963–1975.

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Terdapat dua jenis sumber yang difokuskan bagi mendapatkan maklumat kajian iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer kajian ini daripada kaedah temu bual dan kajian lapangan. Manakala sumber sekunder dibahagikan kepada dua jenis iaitu sumber bercetak dan juga sumber tidak bercetak. Antara sumber sekunder yang digunakan adalah seperti buku, artikel jurnal, tesis akademik, surat khabar, majalah, monograf serta dokumen-dokumen rasmi kerajaan. Temu bual separa berstruktur dijalankan kepada informan kajian yang tidak terlalu mementingkan formaliti atau protokol seperti penduduk kampung dan masyarakat setempat yang mendiami sesebuah kawasan. Sesi temu bual bersama informan telah dilaksanakan secara bersemuka. Informan yang telah ditemu bual dalam kajian ini merupakan mereka yang terlibat secara langsung dalam operasi ketenteraan melawan insurgensi PKM pada era pemberontakan bersenjata kedua PKM 1968–1989 melibatkan bekas anggota dari pasukan Rejimen Gerak Khas Malaysia, Panglima Angkatan Tentera serta Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD).

Selain kaedah temu bual, penyelidik menjalankan kaedah kajian lapangan. Kajian lapangan dijalankan untuk memberikan maklumat tambahan berkaitan penggunaan jerangkap samar oleh gerila PKM ketika era pemberontakan bersenjata kedua PKM 1968–1989. Alat perakam video dan kamera digunakan oleh penyelidik bagi merakam imej kawasan lapangan kajian manakala alat perakam suara digunakan untuk merekod suara supaya data yang diperoleh tidak akan tertinggal selain dapat mengurangkan sebarang gangguan sewaktu kajian lapangan dijalankan. Kajian lapangan telah dijalankan di Kompleks Terowong Piyamit yang terletak di Betong, Selatan Thailand.

Terowong Piyamit merupakan sebuah muzium sejarah serta lokasi yang menjadi tempat gerila PKM menjalankan gerakan insurgensi ketika era pemberontakan bersenjata kedua PKM 1968–1989. Kajian Lapangan telah dilakukan pada 14 Februari 2021 bagi menjalankan pemerhatian terhadap jenis-jenis jerangkap samar yang digunakan oleh gerila PKM. Oleh hal yang demikian, kajian ini akan membincangkan penggunaan jerangkap samar yang telah memberikan impak yang besar terhadap pasukan keselamatan Malaysia dan memberikan kelebihan strategik terhadap pasukan gerila PKM dalam mengaplikasikan penggunaan jerangkap samar ketika melaksanakan perang gerila, seterusnya mengubah landskap konflik bersenjata ketika era pemberontakan bersenjata kedua PKM 1968–1989.

Sejarah Penggunaan Jerangkap Samar dalam Peperangan Gerila

Jerangkap samar atau *booby traps* merupakan sejenis senjata yang digunakan secara meluas dalam peperangan bersifat konvensional mahupun bukan konvensional. Perkataan *booby* berasal daripada perkataan *bobo* dalam bahasa Sepanyol yang membawa maksud "orang yang sangat bodoh ataupun tidak berhati-hati" (Rottman 2010). Etimologi perkataan tersebut terhasil daripada mangsa yang terkena jerangkap samar kerana dikatakan sebagai seseorang yang bodoh kerana bersikap cuai dan tidak berhati-hati. Tarikh sebenar jerangkap samar mula digunakan dalam peperangan tidak dapat dipastikan. Namun demikian, kaedah persenjataan ini telah digunakan secara meluas ketika era Perang Dunia Kedua apabila pihak Nazi Jerman dan Amerika Syarikat menggunakan periuk api dan jerangkap samar secara besar-besaran melalui pelaksanaan misi sulit dan kegiatan sabotaj antara kedua-dua belah pihak (Rottman 2010).

Pada era Perang Dunia Kedua, jerangkap samar telah digunakan dengan meluas oleh kumpulan penentang Perancis dalam menjalankan kegiatan sabotaj pergerakan bawah tanah. Rottman (2010) menjelaskan pihak penentang telah mendapat latihan secara khusus daripada Amerika Syarikat melalui sebuah pertubuhan perisikan sulit yang dikenali sebagai Special Operations Executive (Pejabat Perkhidmatan Operasi Eksekutif atau SOE). Amerika Syarikat dan Great Britain melalui SOE telah memberikan bantuan material peperangan kepada kumpulan penentang Perancis dan antara bantuan yang paling bernilai adalah bahan letupan. Menurut Laqueur (1977), bahan letupan merupakan alat yang penting dan dibekalkan secara berterusan oleh SOE kepada Pihak penentang Perancis sebagai usaha memperbesarkan gerakan bawah tanah kumpulan penentang Perancis bagi membebaskan cengkaman negara mereka daripada pemerintahan kerajaan Nazi Jerman dengan memfokuskan kepada kegiatan sabotaj menggunakan bahan letupan. Bahan letupan yang dibekalkan oleh pihak SOE merupakan bahan letupan bertaraf ketenteraan yang digunakan oleh Pihak Berikat (Rottman 2010).

Antara jenis bahan letupan popular digunakan ketika itu adalah daripada jenis trinitrotoluena (TNT), pentaeritritol tetranitrat (PETN), amatol, tetritol dan pentolit. TNT merupakan sejenis bahan letupan yang diperkenalkan sejak Perang Dunia Pertama (United States Department of the Army 1965). Bahan letupan TNT banyak digunakan untuk pembuatan dinamit dan kepala peledak peluru artileri jarak jauh ketika Perang Dunia Pertama (Green 1991). PETN, amatol, tetritol dan pentolit pula adalah bahan letupan yang banyak digunakan bagi kerja-kerja memecahkan batu di kuari dan lombong arang batu di Eropah (Esposito dan Gerstein 2007).

Pada pertengahan Perang Dunia Kedua, bahan letupan plastik yang dikenali sebagai bahan letupan C-4 telah diperkenalkan lantas mengubah struktur peperangan gerila dan sabotaj di Eropah kerana bahan letupan plastik mempunyai nisbah kekuatan letupan lebih kuat daripada TNT (United States Department of the Army 1965). Semasa awal penggunaan bahan letupan plastik, bahan letupan C-4 sangat popular digunakan oleh pihak penentang dalam melaksanakan operasi sabotaj (Bern 1965). Walaupun demikian, penggunaan bahan letupan plastik kemudiannya dihadkan bagi operasi khusus yang dijalankan oleh pasukan khas British dan Amerika. Bahan letupan ini dibina melalui komponen kimia yang dinamakan sebagai RDX ataupun dikenali sebagai heksogen (salah sejenis bahan letupan yang lebih kuat daripada TNT). Merupakan sejenis bahan letupan yang amat stabil dan tidak mudah meletup, menjadikan RDX amat popular untuk digunakan oleh pensabotaj dalam sesebuah misi. Bahan letupan ini tidak akan meletup sekiranya dicucuh dengan api tetapi boleh mendatangkan letupan apabila arus voltan elektrik dikenakan ke atasnya. Selalunya bahan letupan ini

berwarna putih dan berbentuk seperti doh roti mentah yang belum dimasak. Kebiasaannya, bahan letupan plastik akan dihasilkan dalam bentuk blok kecil seberat dua kilogram dan dibungkus dengan balutan kertas ataupun plastik (United States Department of the Army 1965).

Selain penggunaan bahan letupan plastik, bahan letupan sekunder seperti *geglinite* (gelignit) turut digunakan secara meluas sebagai bahan utama pembuatan jerangkap samar ketika Perang Dunia Kedua. Gelignit merupakan sejenis bahan letupan yang setaraf kuasa letupannya dengan bahan letupan plastik. Sungguhpun begitu, bahan letupan ini mempunyai kelemahan yang besar apabila mampu meletup sekiranya terbakar, terdedah kepada haba yang tinggi dan ditembak menggunakan peluru daripada senjata (Rottman 2010). Gelignit merupakan sejenis bahan letupan yang tidak stabil jika dibandingkan dengan bahan letupan plastik (Bern 1965). Ketika Perang Dunia Kedua, kumpulan penentang ditubuhkan di setiap negara di Eropah daripada Perancis hinggalah ke Jerman. Kumpulan penentang amat mahir dalam menjalankan gerakan sabotaj bagi memperlahankan pergerakan logistik ketenteraan Nazi Jerman. Pasukan ini menggunakan taktik sabotaj menggunakan jerangkap samar dan letupan bagi membunuh ataupun menghancurkan kekuatan tentera Jerman yang berada di sekitar Eropah (Rottman 2010). Kebiasaannya, kumpulan penentang akan membuat sabotaj beberapa jenis sasaran utama seperti landasan kereta api, jambatan-jambatan utama, tiang-tiang telefon dan elektrik serta stesen jana kuasa elektrik juga kem-kem tentera Jerman di serata Eropah (Bern 1965).

Penggunaan jerangkap samar dapat diaplikasi secara khusus dalam peperangan gerila. Menurut Jeneral Tan Sri (B) Mohd Ghazali Mohd Seth, mantan Panglima ATM (1981–1986), dalam temu bual oleh penulis pada 17 Disember 2020, jerangkap samar merupakan sejenis senjata yang digunakan bagi memperlahankan pergerakan serta menurunkan nilai moral perjuangan musuh. Kesan penggunaan jerangkap samar yang efektif ialah kecederaan fizikal pada tubuh badan manusia. Jerangkap samar dibina bertujuan untuk melemahkan psikologi musuh yang sentiasa berasa terancam oleh ancaman senjata, khususnya apabila senjata tersebut digunakan secara tersembunyi dan tidak mudah dikesan oleh deria penglihatan (Situ Hitam, bekas anggota Infantri Batalion ke-11 RAMD, *pers. comm.*, 2 Disember 2020). Jerangkap samar dilihat sebagai sejenis senjata yang efektif dan terbukti berkesan terhadap pasukan musuh. Hal ini kerana penggunaan jerangkap samar oleh seorang askar ataupun operator terlatih dalam mengendalikan bahan letupan dan ranjau dapat memberikan nisbah kerosakan yang besar terhadap pergerakan pasukan musuh.

Sebagai contoh, seorang anggota pasukan khas yang terlatih dalam kerja-kerja sabotaj mampu menyebabkan kecederaan kepada 15 orang anggota musuh. Keadaan ini menunjukkan kesan kemusnahan sampingan yang dilakukan oleh operatif lapangan, yang terbukti berkesan dengan membunuh atau mencederakan 15 orang musuh, jika dibandingkan dengan nisbah kemusnahan yang dilakukan oleh pasukan penggempur infantri standard yang mungkin tidak mampu membunuh seramai 15 orang musuh dalam satu masa (Md Razib Anuar, bekas anggota komando Skuadron ke-21 Rejimen Gerak Khas Malaysia [1980–2001], *pers. comm.*, 10 Julai 2021). Penggunaan jerangkap samar dilihat amat berkesan dalam menjimatkan masa dan kos pengendalian senjata kerana amat mudah dihasilkan tanpa memerlukan kos yang tinggi serta masa yang panjang (Rottman 2006).

Ketika Perang Vietnam, pasukan gerila komunis Vietnam Selatan ataupun dikenali sebagai Viet Cong telah berjaya membina sejumlah besar jerangkap samar tanpa perlu mengeluarkan modal kewangan yang besar. Gerila Viet Cong menggunakan bahan-bahan terbuang yang dijumpai di sekitar markas tinggalan Tentera Darat Amerika Syarikat, seperti tin-tin makanan dan minuman, bom yang tidak meletup, paip tiup yang digunakan untuk penyaluran air, dan pelbagai lagi bahan buangan, untuk diproses serta dijadikan jerangkap samar (Rottman 2007).

Bahan-bahan terbuang ini telah menjadi antara faktor kekalahan Tentera Amerika Syarikat di Vietnam. Tentera Republik Vietnam Selatan dan Tentera Amerika Syarikat dilihat tidak berdisiplin ketika membuang sampah ataupun bahan yang tidak berguna ketika berada di lapangan (Rottman 2007). Kelemahan ini telah dieksploitasi oleh gerila Viet Cong dalam operasi selepas berlakunya sesuatu pertempuran, mereka akan menghantar satu platun anggota gerila untuk mengutip semula bahan-bahan terbuang bagi dijadikan jerangkap samar. Rottman (2007) yang merupakan bekas operator pasukan khas Tentera Darat Amerika Syarikat berpendapat bahawa gerila Viet Cong telah mengguna semula bahan-bahan terbuang untuk dijadikan jerangkap samar ataupun utiliti peperangan memandangkan bahan-bahan buangan dan sampah yang ditinggalkan oleh anggota tentera Amerika dan Vietnam Selatan merupakan harta karun kepada gerila Viet Cong pada ketika itu akibat kesukaran mereka untuk mendapatkan senjata. Keadaan ini telah menyebabkan gerila Viet Cong menjadi kreatif dalam mengitar semula bahan buangan untuk diguna pakai dan ditukarkan kepada senjata berbahaya seperti jerangkap samar.

Jadual 1. Jenis bahan buangan dan kegunaan barang buangan untuk dijadikan jerangkap samar

Contoh bahan buangan	Kegunaan persenjataan yang dihasilkan
Bekas bom asap berserta pin keselamatan yang dibuang	Digunakan semula untuk dijadikan bom tangan, jerangkap samar jenis wayar jerat (*trip-wire*).
Tiub pelancar roket pakai buang (Light Anti-Tank Weapon Model 60)	Digunakan semula dengan dijadikan jerangkap samar jenis wayar jerat.
Komponen periuk api Claymore	Periuk api Claymore yang tidak meletup ataupun serpihannya boleh digunakan semula untuk dijadikan bahan utama pembuatan komponen jerangkap samar.
Kotak besi atau bekas peluru senjata api	Digunakan semula untuk menyimpan dan melindungi bahan peledak/letupan yang bakal digunakan untuk membina jerangkap samar daripada air dan keadaan lembap yang boleh merosakkan kondisi bahan letupan.
Projectiles casing atau bekas untuk menyimpan peluru artileri	Digunakan untuk menyimpan bahan letupan jenis kering.
Kotak kayu	Digunakan bagi menyimpan bahan letupan serta jerangkap samar yang telah siap dibina.
Bandoleer (selempang peluru; beg mengisi magazin senjata api)	*Bandoleer* selempang magazin senjata raifal tempur M-16 boleh diguna semula untuk menghasilkan tali jerat bagi pembinaan jerangkap samar jenis wayar jerat.
Kelongsong peluru rantai mesingan yang telah digunakan	Digunakan untuk dijadikan peluru yang baharu.
Kelongsong peluru artileri dan mortar yang rosak/tidak dapat dilancar	Digunakan sebagai komponen utama untuk membuat jerangkap samar. Bahan letupan akan dimuatkan ke dalam kelongsong peluru artileri dan mortar yang telah digunakan untuk dijadikan jerangkap samar jenis letupan besar.
Bateri telefon medan yang telah rosak	Digunakan bagi menghidupkan api.
Tiub pelancar suar ke udara (*pop-up illumination flares*)	Digunakan semula sebagai komponen utama pembuatan jerangkap samar jenis wayar jerat.
Tin-tin makanan dan minuman yang telah ditinggalkan	Diguna pakai untuk membuat jerangkap samar jenis tekanan.

(*Bersambung*)

Jadual 1. (*Sambungan*)

Contoh bahan buangan	Kegunaan persenjataan yang dihasilkan
Wayar telefon medan yang telah ditinggalkan	Diguna semula untuk menghasilkan tali jerat bagi pembinaan jerangkap samar jenis wayar jerat.
Wayar elektrik	Digunakan sebagai wayar bagi membina jerangkap samar jenis letupan terkawal (*command detonator*).
Radio medan yang rosak dan ditinggalkan	Digunakan sebagai alat arahan peledak untuk meletupkan jerangkap samar jenis letupan terkawal.

Sumber: Rottman (2007)

Selain itu, jerangkap samar turut dibina menggunakan hasil-hasil tumbuhan semula jadi yang tumbuh meliar di hutan, seperti buluh yang ditajamkan dan dipacakkan ke dalam tanah ataupun lubang. Kaedah ini dinamakan sebagai jerangkap samar punji (Rottman 2007). Apabila anggota musuh melalui jerangkap tersebut sekaligus akan menyebabkan kecederaan apabila buluh yang tajam tersebut menembusi seluar ataupun kasut (Rottman 2010). Faktor kecederaan teruk kesan daripada jerangkap samar juga turut menjadi sebab utama jerangkap samar menjadi senjata pilihan dalam peperangan gerila. Kebiasaannya, individu yang terpijak jerangkap samar akan mengalami kecederaan yang parah dan berisiko mengakibatkan kematian. Sebagai contoh, ledakan daripada jerangkap samar jenis letupan mampu memutuskan dan menghancurkan pergelangan kaki anggota musuh yang terpijak senjata tersebut (Green 1991). Anggota yang tercedera akibat kesan jerangkap samar terpaksa dibawa keluar dari kawasan operasi, sekali gus melambatkan operasi ketenteraan yang dijalankan (Francis 2008). Pada masa yang sama, kecederaan rakan anggota yang mengerikan menimbulkan kesan psikologi yang mampu melemahkan moral semasa menjalankan operasi (Mohd Zin Ayob, bekas anggota Infantri Batalion ke-10 RAMD, *pers. comm.*, 12 Disember 2020).

Penggunaan Jerangkap Samar oleh Gerila PKM pada Era Pemberontakan Bersenjata Kedua PKM 1968–1989.

Setelah berundur ke selatan Thailand, PKM telah berusaha secara khusus untuk menumpukan semula usaha-usaha bagi membina kekuatan parti. Pada masa yang sama, mereka merekrut golongan muda di seluruh Semenanjung Malaysia untuk menyertai organisasi bawah tanah yang akan digembleng bagi melancarkan pemberontakan bersenjata yang kedua. Usaha pengkaderan dijalankan di kem-

kem latihan yang dibina dalam kawasan hutan di sekitar Betong (Sharom 2001). Kebanyakan daripada golongan muda yang diindoktrinasikan oleh pihak PKM merupakan golongan muda yang berpendidikan dari sekolah-sekolah Vernakular Cina seperti Methodist, Chung Hwa, Kuen Chen, Tsun Jin dan Sekolah Cina Confucius (Leong 2012). Pada masa yang sama, organisasi bawah tanah PKM turut menggunakan saluran massa melalui pergerakan kesatuan yang bertapak di Semenanjung Malaysia, seperti kesatuan buruh, persatuan-persatuan pelajar, kongres sekerja dan parti-parti politik berhaluan kiri, bagi merekrut golongan muda untuk menjalani latihan bercorak ketenteraan di Selatan Thailand. Latihan-latihan ketenteraan itu merangkumi latihan bersenjata seperti latihan peperangan gerila, taktik peperangan hutan, serang hendap, pembuatan jerangkap samar, gerakan bawah tanah, pembelajaran doktrin komunisme serta perisikan (Navaratnam 2001).

Latihan-latihan ini dijalankan secara berterusan dengan mendapat tunjuk ajar daripada kader-kader Parti Komunis yang didatangkan khas dari negara China (Sharom 2001). Sesetengah daripada kader-kader ini berpengalaman luas dalam peperangan melawan pihak Jepun ketika Perang Manchuria 1936. Maka, latihan yang dijalani oleh golongan muda yang menyertai PKM di Selatan Thailand telah diajar oleh jurulatih yang sangat profesional dan berpengalaman dalam perang gerila (Leong 2012). Beberapa tahun sebelum PKM melancarkan pemberontakan bersenjata untuk kali kedua, Jawatankuasa Pusat PKM telah mengarahkan unit-unit Penggempur PKM untuk membina kem-kem dalam hutan di sekitar kawasan yang baharu dan strategik (Sharom 2001). Walaupun sejumlah besar kem-kem Komunis telah dibina ketika era Darurat Pertama 1948–1960, Jawatankuasa Pusat PKM telah memberikan arahan kepada unit-unit penggempur PKM untuk meninggalkan kem-kem tersebut atas faktor keselamatan bagi mengelakkan lokasi mereka mudah ditemui oleh Pasukan Keselamatan pada masa hadapan (Kementerian Dalam Negeri 1971). Pada tahun 1968, Jawatankuasa Pusat PKM telah mengeluarkan arahan bagi melancarkan pemberontakan bersenjata yang kedua melalui petikan ucapan bersempena dengan sambutan Penubuhan PKM yang ke-40 yang berbunyi:

> Masyarakat kita terdiri daripada beberapa kaum, terdiri kebanyakannya dari orang-orang Melayu, Cina dan India serta lain-lain kaum yang kecil. Sungguhpun Parti kita semenjak ditubuhkan telah giat bergerak di kalangan rakyat jelata... soal penting menganalisa sama ada tenaga penggerak revolusi dalam negeri ini hendak didasarkan kepada kelas ataupun pada kaum belum diputuskan lagi. Pada hakikatnya, soal kaum itu jika dianalisa betul-betul adalah sebenarnya soal kelas. Walaupun soal perkauman di Malaya mempunyai ciri-ciri tersendiri akan tetapi jika berdasarkan pada pandangan kelas mengikut fahaman Marx dan

> Lenin serta ajaran-ajaran Mao Tse Tung maka barulah kita dapati kesimpulan yang betul atas soal tenaga penggerak revolusi dalam negeri kita. (Kementerian Dalam Negeri 1971)

Pada 1 Jun 1968, pihak PKM telah melancarkan pemberontakan bersenjata apabila unit penggempur mereka menyerang sebuah konvoi pasukan keselamatan di Kroh, Pengkalan Hulu, yang menyebabkan kematian 16 orang anggota Pasukan Polis Hutan (Mohd Reduan 1993). PKM telah melancarkan pemberontakan bersenjata untuk kali kedua pada tahun 1968 sebagai salah satu usaha untuk menyemarakkan kembali perjuangan komunis di Malaysia (Kementerian Dalam Negeri 1971). Selaras dengan perjuangan, PKM telah menggunakan taktik peperangan gerila dalam hutan secara skala besar. Pangkalan-pangkalan operasi PKM di barisan hadapan dibina secara meluas di setiap kawasan hutan di Semenanjung Malaysia. Pembangunan sistem komunikasi pertubuhan bawah tanah PKM dijalankan dengan secara sulit, cekap dan sistematik bagi memastikan keselamatan sistem komunikasi dan pembekalan logistik PKM tidak diganggu gugat oleh Pasukan Perisikan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta Pasukan Cawangan Khas PDRM (Amer Fawwaz 2016).

Era pemberontakan bersenjata kedua PKM 1968–1989 ini juga telah menunjukkan peningkatan kemahiran peperangan gerila dalam hutan oleh unit-unit bersenjata dan pasukan penggempur PKM apabila mereka telah mendapat bantuan teknikal dan persenjataan daripada rakan-rakan seperjuangan iaitu Parti Komunis China serta Parti Komunis Vietnam (Mohd Reduan 1993). Antara pembaharuan yang dilaksanakan oleh PKM dalam peperangan hutan adalah melalui penggunaan jerangkap samar. Sekiranya dilihat melalui konteks sejarah, penggunaan jerangkap samar mula digunakan secara meluas oleh PKM sejak akhir tahun 1960-an. Menurut Gonzago (*pers. comm.*, 5 April 2020) dan Leong (*pers. comm.*, 24 Mei 2020), ketika era Darurat Pertama 1948–1960 PKM masih belum menggunakan kaedah ini kerana faktor teknologi dan kekurangan pengetahuan untuk membina jerangkap samar terutamanya jerangkap samar yang moden. Tambahan pula pada ketika era Darurat Pertama, bahan letupan masih kurang dan agak sukar untuk diperoleh secara tetap kesan daripada Perang Dunia Kedua (Leong 2012).

Tidak dapat dipastikan secara tepat bilakah tempoh masa sebenar penggunaan jerangkap samar telah dilaksanakan oleh pasukan-pasukan penggempur serta unit-unit bersenjata PKM ketika era pemberontakan bersenjata PKM kedua 1968–1989. Namun demikian, menurut Navaratnam (2001), serta melalui temu bual penulis bersama Salleh Gomu, mantan Pegawai Turus Cawangan Khas E1A PDRM (1967–1977) (*pers. comm.*, 20 Disember 2020), Chan Kok Kong, mantan Pegawai Turus Cawangan Khas E1A PDRM (1967–1977) (*pers. comm.*, 17 Disember

2020), S.K. Gonzago, mantan Pegawai Turus Cawangan Khas E3M (Operasi dan Taktik Khas) PDRM (1956–1992) (*pers. comm.*, 5 April 2020) dan Leong Chee Woh, mantan Timbalan Pengarah 1 Cawangan Khas PDRM (1981–1984) (*pers. comm.*, 24 Mei 2020), gerila PKM pada sekitar akhir tahun 1968 telah mula menggunakan jerangkap samar secara menyeluruh dalam menjalankan operasi di kawasan hutan apabila mereka telah mendapat latihan daripada jurulatih peperangan hutan yang didatangkan khas daripada kader-kader Parti Komunis Vietnam serta Parti Komunis China. PKM melihat era pemberontakan bersenjata kedua PKM 1968–1989 sebagai satu medan untuk menguji kekuatan persenjataan PKM dengan menggunakan taktik baharu untuk menyemarakkan perjuangan dalam hutan. Bagi PKM, penggunaan jerangkap samar adalah kaedah terbaik bagi memperlahankan pergerakan pasukan keselamatan ketika menjalankan operasi mencari dan memusnahkan musuh (Md Razib, *pers. comm.*, 10 Julai 2021).

Menurut Mohd Ghazali (*pers. comm.*, 17 Disember 2020), kebanyakan daripada jerangkap samar telah dipasang oleh gerila PKM di sekitar kawasan hutan yang bersempadan dengan Thailand seperti di negeri Kedah: Sintok, Gubir, Baling, Padang Terap dan Changlun; di negeri Perak: kawasan Pengkalan Hulu, Sungai Siput Utara, Temenggor dan Klian Intan; serta di sekitar kawasan hutan negeri Kelantan melibatkan kawasan Gua Musang dan Jeli yang berdekatan dengan markas besar PKM yang berada di Betong, Thailand. Salleh (*pers. comm.*, 20 Disember 2020), Gonzago (*pers. comm.*, 5 April 2020) dan Chan (*pers. comm.*, 17 Disember 2020) berpendapat pemilihan lokasi tersebut adalah sebagai usaha PKM bagi memperlahankan pergerakan pasukan keselamatan dalam memburu pasukan mereka, di samping kawasan tersebut merupakan kawasan aktif iaitu selepas unit-unit penggempur PKM beroperasi ketika era pemberontakan bersenjata kedua PKM 1968–1989.

Selain itu, jerangkap samar dilihat sebagai salah satu senjata taktikal yang terbukti keberkesanannya dalam membunuh dan mencederakan musuh. Mengapakah PKM menggunakan jerangkap samar sebagai senjata utama ketika era pemberontakan bersenjata kedua PKM 1968–1989? Antara sebab utamanya ialah kemudahan PKM untuk mendapatkan bekalan ubat bedil dan bahan letupan untuk digunakan bagi pembuatan jerangkap samar (Ho 2015). Pada era pertengahan 1975, Vietnam Selatan telah jatuh ke tangan Tentera Komunis Vietnam Utara menyebabkan angkatan tentera Amerika Syarikat meninggalkan sejumlah besar persenjataan mereka di Vietnam. Senjata-senjata berkualiti tinggi buatan Amerika Syarikat seperti raifal tempur M-16 dan peledak primer seperti belerang dan bahan letupan plastik C-4 telah ditinggalkan dalam kuantiti yang besar semasa proses pengunduran Tentera Amerika Syarikat dari Vietnam Selatan telah memberikan kelebihan strategik kepada rejim Komunis di kawasan Asia Tenggara (Rafidah, Nor Azizan dan Zarina 2019). Ghazali (*pers. comm.*,

17 Disember 2020) menjelaskan bahawa kebanyakan daripada senjata tersebut telah diseludup masuk dan diberikan kepada parti-parti komunis dan gerakan sayap bersenjata bawah tanah sebagai usaha bantuan logistik persenjataan bagi menyokong perjuangan Komunis di rantau ini. Pada ketika itu, PKM juga telah mendapat bantuan persenjataan antaranya adalah bahan letupan dan tenaga pengajar yang telah digunakan untuk memberi latihan kepada anggota-anggota gerila PKM dalam mempelajari asas untuk membuat jerangkap samar (Leong 2012).

Malah, pada peringkat latihan indoktrinisasi, kader-kader PKM telah memperkenalkan pelajaran membuat jerangkap samar sebagai salah satu silibus pelajaran yang wajib dipelajari oleh ahli gerila bersenjata PKM yang dinamakan sebagai *Xue Xi* ataupun Sekolah Parti (Navaratnam 2001). Selain memberikan kelebihan strategik kepada PKM, jerangkap samar juga amat mudah untuk dibina tanpa kemahiran yang begitu tinggi (Mohd Reduan 1993). Jerangkap samar pada asasnya boleh dibina dengan menggunakan bahan-bahan keperluan harian dan barang-barang terpakai yang dikitar semula seperti batang paip besi, tin-tin makanan, botol kaca, gelas, paku, skru, bahan peluntur serta pelbagai lagi barangan harian yang boleh didapati di pasaran umum (Ramlah Adam 2014). Kenyataan ini turut disokong oleh Md Razib (*pers. comm.*, 10 Julai 2021) berkaitan dengan penggunaan jerangkap yang dipasang oleh gerila PKM:

> Jerangkap samar yang dipasang amat profesional dan amat sukar untuk dikesan dengan mata kasar; malahan pengesan yang terlatih kadangkala terlepas pandang untuk mengesan lokasi sebenar di mana jerangkap samar itu ditanam. Gerila PKM telah menggunakan kepakaran hutan yang dipelajari untuk menanam dan menyembunyikan periuk api ataupun jerangkap samar sebaik mungkin menggunakan daun-daun dan ranting kayu di dalam hutan. Selain kos yang murah untuk dihasilkan, jerangkap samar amatlah disukai oleh gerila PKM kerana mampu memberikan kesan kecederaan fizikal kekal sekali gus memberikan kesan psikologi dan menjatuhkan moral anggota pasukan keselamatan, apabila melihat rakan mereka terkorban ataupun mengalami kecederaan parah seperti buku lali yang hancur kesan daripada letupan jerangkap samar yang dipasang oleh anggota-anggota gerila PKM.

Terdapat beberapa jenis jerangkap samar yang digunakan oleh PKM ketika era pemberontakan bersenjata kedua PKM 1968–1989. Antara jenis jerangkap samar yang paling popular digunakan adalah daripada jenis jerangkap samar tekanan (*pressure type booby trap*) (Francis 2008). Jerangkap samar jenis tekanan buatan sendiri ini amatlah popular dalam kalangan gerila Viet Cong ketika Perang Vietnam apabila digunakan secara meluas ketika perang menentang tentera

Amerika Syarikat. Kos pembuatannya yang tidak begitu tinggi dan amat mudah untuk dibina menjadikannya popular dalam peperangan gerila di Vietnam. Bahan-bahan buangan seperti tin-tin makanan amat mudah untuk dijumpai di sekitar kawasan kubu-kubu pertahanan yang telah ditinggalkan oleh tentera Amerika Syarikat selepas sesuatu operasi dijalankan (Rottman 2006). Gerila-gerila Viet Cong akan mengutip semula tin-tin ataupun apa-apa bahan yang dijumpai di sekitar kawasan kubu pertahanan yang telah ditinggalkan. Manakala bahan peledak pula didapati dengan cara mengutip semula bom-bom yang tidak meletup digugurkan daripada pesawat pengebom Tentera Udara Amerika Syarikat (Rottman 2010). Bom tersebut akan diceraikan semula komponennya untuk mendapatkan bahan peledak yang tidak terjejas akibat impak jatuhan ke bumi. Dengan cara ini, gerila Viet Cong akan sentiasa mendapat bekalan bahan peledak secara berterusan dan akan digunakan bagi membina lebih banyak jerangkap samar.

Jerangkap samar tekanan beroperasi sama seperti periuk api konvensional. Komponen utama pembuatan jerangkap samar jenis tekanan adalah seperti tin makanan yang diperbuat daripada logam ataupun timah (dalam sesetengah kes, tin susu pekat manis ialah bahan yang paling popular untuk dijadikan komponen utama jerangkap samar oleh gerila PKM), bahan peledak, wayar elektrik, dan bateri sel kering (Mohd Zin, *pers. comm.*, 12 Disember 2020). Apabila jerangkap samar tersebut telah hampir siap dibina, gerila PKM akan mencampurkan bahan peledak bersama dan bahan-bahan seperti kaca yang telah dihancurkan ataupun paku besi bersaiz kecil dan sederhana (direndam dalam racun) yang akan digunakan sebagai serpihan bagi meningkatkan kecederaan kepada pasukan musuh yang terpijak jerangkap samar yang telah ditanam (Mohd Ghazali, *pers. comm.*, 17 Disember 2020). Dengan kata lain, sekiranya anggota tentera yang malang terpijak jerangkap samar yang telah dipasang oleh anggota gerila PKM, walaupun tidak mengalami kecederaan yang parah, kesan serpihan kaca dan paku yang telah direndam dengan racun mampu untuk menyebabkan mangsa tersebut mengalami keracunan dalam darah seterusnya menyebabkan kematian, memandangkan jangka masa untuk pemindahan mangsa yang cedera ke hospital berdekatan akan mengambil masa yang lama (Md Razib, *pers. comm.*, 10 Julai 2021).



Gambar 1. Jerangkap samar jenis letupan perintah ataupun dikenali sebagai jenis letupan terkawal buatan sendiri yang dihasilkan oleh gerila PKM ketika era pemberontakan bersenjata kedua PKM 1968–1989

Sumber: Kajian lapangan di Betong, Thailand (2021)

Penyediaan jerangkap samar memerlukan ketelitian dan kemahiran yang khusus untuk memasang dan menyembunyikannya. Anggota gerila PKM mempunyai kemahiran tinggi dalam menyembunyikan periuk api ataupun jerangkap samar yang telah dipasang dan terdapat beberapa lokasi strategik yang menjadi pilihan. Menurut Syed Othman (2014), jerangkap samar akan ditanam di kawasan-kawasan spesifik seperti laluan denai dalam hutan, di kawasan kaki bukit yang menjadi kemungkinan besar pasukan keselamatan akan berhenti ataupun berehat dan di kawasan lembah berhampiran anak sungai. Dalam sesetengah kes, anggota gerila PKM juga akan memasang jerangkap samar di dalam sungai yang kebiasaannya akan dilalui oleh pasukan keselamatan yang akan menyeberangi sungai tersebut untuk ke kawasan operasi seterusnya (Situ, *pers. comm.*, 2 Disember 2020).

Antara insiden terkenal yang melibatkan pasukan elit Komando 69 PDRM adalah yang melibatkan kematian Allahyarham Penolong Penguasa Polis Mohd Zabri Abdul Hamid, ketika beliau terpijak jerangkap samar yang ditanam dalam sebatang sungai di kawasan Hutan Simpan Banding semasa menjalankan operasi bagi memburu gerila PKM (Ramlah Adam 2014). Dalam sesetengah kes, anggota gerila PKM akan menyembunyikan jerangkap samar dalam bangkai haiwan kerana bangkai haiwan mati dianggap tidak mencurigakan dalam hutan. Mohd Zin (*pers. comm.*, 12 Disember 2020) menjelaskan jerangkap samar yang dipasang oleh gerila PKM:

> Terdapat pelbagai model dan bentuk sama ada model daripada jenis tekanan ataupun model wayar arahan letupan [...] kedua-duanya mempunyai kesan yang menakutkan. Pada tahun 1978, semasa saya menjalani operasi memburu pasukan gerila PKM di hutan simpan Gubir, Kedah saya telah diarahkan oleh markas taktikal untuk membersihkan kawasan yang telah dipertanggungjawabkan daripada sebarang anasir Komunis. Setelah beberapa batu meronda ke dalam kawasan hutan, saya telah menemui bangkai seekor gajah yang telah mereput terletak di tengah-tengah laluan denai yang kami lalui. Saya hanya melangkah bangkai gajah tersebut seperti tiada apa yang berlaku, sehinggalah rakan di belakang saya menjerit kepada saya untuk berhenti. Saya sangat bertuah kerana beliau berjaya mengesan wayar jerat yang bersambung dengan jerangkap samar jenis letupan disembunyikan dalam bangkai gajah yang telah mereput. Sekiranya rakan saya tidak memberikan tumpuan yang teliti ketika menjalankan rondaan, kemungkinan besar saya akan mencetuskan jerangkap tersebut serta berkemungkinan mengalami kehilangan jiwa.



Gambar 2: Jerangkap samar jenis tekanan buatan sendiri yang dihasilkan oleh gerila PKM pada era pemberontakan bersenjata kedua PKM 1968–1989

Sumber: Kajian lapangan di Betong, Thailand (2021)

Kesan kecederaan yang dialami oleh anggota pasukan keselamatan amat menakutkan. Kebiasaannya, kecederaan yang dialami oleh anggota pasukan keselamatan bergantung pada kekuatan letupan jerangkap samar tersebut. Walaupun secara amnya, anggota pasukan keselamatan telah memakai kasut but bagi melindungi kecederaan pada bahagian kaki, namun perlindungan seumpama itu gagal untuk menyelamatkan bahagian kaki yang terpijak jerangkap

samar. Kecederaan yang dialami oleh anggota pasukan keselamatan selalunya melibatkan bahagian kaki dan buku lali yang hancur serta terputus (Lewis 2001). Dalam sesetengah kes, kecederaan yang kritikal mampu membawa maut kepada anggota pasukan keselamatan akibat kesan sampingan seperti kehilangan darah yang terlalu banyak, ataupun tempoh masa pengeluaran anggota terlibat ke hospital berdekatan yang mengambil masa yang panjang berikutan keadaan muka bumi yang bergunung-ganang dan berhutan tebal yang melambatkan pergerakan melalui proses pengeluaran menggunakan helikopter ataupun jalan darat (Situ, *pers. comm.*, 2 Disember 2020).

Penggunaan jerangkap samar dalam peperangan gerila terutamanya ketika era pemberontakan bersenjata kedua PKM 1968–1989 telah menjadi suatu ancaman yang besar terhadap keselamatan negara Malaysia. Tambahan pula, jerangkap samar dilihat sebagai suatu senjata yang mengakibatkan kecederaan parah ataupun kecacatan kekal pada anggota badan mampu menimbulkan perasaan tidak selamat kepada rakyat dalam negara khususnya bagi penduduk tempatan yang menetap di kawasan pinggir hutan tempat kebanyakan gerila PKM menjalankan kegiatan mereka. Sebagai contoh, penduduk kampung yang menetap di sekitar kawasan sempadan Malaysia-Thailand seperti di kawasan Kroh, Pengkalan Hulu, Gubir dan Changlun berpotensi untuk mengalami ancaman terpijak jerangkap samar yang dipasang oleh gerila-gerila PKM di kawasan hutan (Syed Othman 2014).

Umum mengetahui bahawa kebanyakan penduduk kampung yang menetap di pinggir hutan simpan menjalankan kegiatan seperti berkebun, memburu, memancing ikan dan memungut hasil-hutan seperti rotan, madu lebah, damar, herba serta tumbuhan kayu sebagai aktiviti ekonomi bagi menjana pendapatan seharian dan sumber mata pencarian mereka. Namun begitu, apabila kawasan hutan simpan tersebut telah didiami oleh gerila PKM menyebabkan kawasan tersebut sangat berbahaya apabila gerila PKM memasang seberapa banyak mungkin jerangkap samar untuk mempertahankan kawasan kubu mereka daripada ditembusi oleh pasukan keselamatan (Syed Othman 2014).

Bagi memastikan keselamatan anggota tentera ataupun polis yang beroperasi di kawasan hitam, langkah pencegahan yang sewajarnya telah diambil dalam memastikan jerangkap samar dapat dimusnahkan secara berterusan. Ketika era pemberontakan bersenjata kedua PKM 1968–1989, tugas pemusnahan jerangkap samar telah diletakkan di bawah bidang kuasa Rejimen Askar Jurutera Diraja (RAJD) melalui penubuhan Kor Jurutera (Sharom 2001). Menurut Mohd Ghazali (*pers. comm.*, 17 Disember 2020), pasukan RAJD sememangnya telah terlatih dalam operasi mencari, mengesan dan memusnahkan periuk api ketika era pemberontakan bersenjata kedua PKM 1968–1989.

Jerangkap samar boleh dikesan dengan menggunakan dua kaedah. Kaedah pertama ialah cara mengesan dengan menggunakan penglihatan mata kasar bagi mengesan tanda-tanda adanya kewujudan jerangkap samar dengan melihat kawasan yang berpotensi untuk dijadikan lokasi penanaman jerangkap samar oleh gerila PKM. Sebarang bentuk tanda yang mencurigakan ataupun simbol, tulisan, kesan hakisan tanah, litupan daun hutan yang tebal dan amat ketara perlu diambil serius kerana berkemungkinan besar wujudnya jerangkap samar yang disembunyikan oleh gerila PKM. Situ (2020) menceritakan pengalaman beliau ketika menjumpai jerangkap samar di Hutan Simpan Raub, Pahang apabila:

> Pada ketika awal tahun 1980-an, beliau telah ditugaskan untuk menjalankan operasi mencari dan memusnahkan gerila-gerila PKM yang bergerak aktif di sekitar Hutan Simpan Raub, Pahang. Ketika sedang menjalankan rondaan bagi mengesan khemah- khemah musuh, memang terbukti terdapat kehadiran gerila-gerila PKM di kawasan tersebut, melihatkan kesan-kesan jejak dan ranting patah yang ditinggalkan oleh mereka. Hinggalah beliau berhenti di suatu kawasan tempat terdapat sebatang pokok kayu balak besar berhampiran laluan denai yang dilalui, beliau secara tidak sengaja telah mengesan sebentuk simbol bertanda pangkah "X" ditetak di tengah kulit pokok balak berkenaan. Setelah itu, Situ mengarahkan unit tumpangan daripada pasukan jurutera untuk membuat siasatan lanjut. Setelah unit jurutera memeriksa dengan teliti tanda tersebut, akhirnya mereka berjaya mengesan satu unit jerangkap samar jenis tekanan telah ditanam di atas laluan denai yang dilalui.

Kaedah mengesan jerangkap samar menggunakan mata kasar dilihat sebagai kaedah sekunder kerana kaedah tersebut memerlukan kemahiran spesifik seseorang penjejak ataupun dikenali sebagai *tracker* yang terlatih sepenuhnya dengan ilmu kemahiran dalam hutan. Lewis (2001) menegaskan seorang penjejak juga haruslah menggunakan deria rasa dan penglihatan mereka secara maksimum bagi mengesan sebarang tanda wujudnya jerangkap samar di sesebuah kawasan kerana jerangkap samar yang disembunyikan oleh gerila-gerila PKM amatlah sukar untuk dikesan walaupun oleh anggota PKM itu sendiri. Oleh itu, anggota pasukan keselamatan yang ditugaskan sebagai penjejak telah dihantar ke kursus asas perisikan dan peperangan hutan bagi meningkatkan lagi kemahiran mereka dalam menjejak musuh serta memusnahkan jerangkap samar. Ketika era pemberontakan bersenjata kedua PKM 1968–1989, pasukan keselamatan telah menjalankan pelbagai jenis kursus bagi meningkat kemahiran anggota pasukan keselamatan di dalam mengesan jerangkap samar (Mohd Ghazali, *pers. comm.*, 17 Disember 2020).

Sementara itu, kaedah kedua yang kebiasaannya dijalankan oleh Kor Jurutera RAJD dalam mengesan jerangkap samar adalah dengan menggunakan pengesan periuk api (Syed Othman 2014). Salah satu kelebihan pengesan periuk api ialah pengendalian yang amat mudah dan hanya memerlukan seorang operator. Pada asasnya, pengesan periuk api adalah sejenis alat yang mampu mengesan apa-apa komponen periuk api ataupun jerangkap samar yang dibuat daripada besi. Walaupun begitu, pengesan periuk api mempunyai kelemahan yang ketara apabila hanya mampu memberikan isyarat kepada operator sekiranya terdapat komponen periuk api yang dibina menggunakan besi sahaja (Syed Othman 2014). Dalam erti kata lain, sekiranya jerangkap samar yang dibina oleh gerila PKM menggunakan bahan seperti plastik ataupun bahan bukan logam, berkemungkinan besar jerangkap itu tidak dapat dikesan oleh pengesan periuk api, lantas meningkatkan risiko keselamatan pengendali untuk terpijak jerangkap samar. Sebagai contoh, sekiranya terdapat jerangkap samar yang dibina dengan menggunakan kaedah tradisional seperti jerangkap batang punji yang merupakan batang buluh yang ditajamkan dan ditanam dalam lubang, kemungkinan bahawa jerangkap sedemikian tidak mampu dikesan menggunakan pengesan periuk api adalah tinggi (Md Razib, *pers. comm.*, 10 Julai 2021).

Kesimpulan

Penggunaan jerangkap samar telah dilihat sebagai sebuah impak yang besar dalam mencorakkan hala tuju peperangan gerila. Sejak Perang Dunia Kedua, penggunaan jerangkap samar telah menjadi keutamaan oleh pihak penentang dan pertubuhan bawah tanah dalam melawan kuasa imperialis dan kolonialis bagi membebaskan negara mereka daripada penjajahan kuasa asing. Antara faktor utama ialah kekalahan Nazi Jerman di Eropah adalah akibat daripada kesan penggunaan jerangkap samar oleh pihak penentang ketika melakukan sabotaj sasaran penting seperti empangan, tiang-tiang wayar telefon dan elektrik, landasan kereta api dan bangunan ketenteraan yang signifikan. Jerangkap samar adalah sejenis senjata yang menjadi pilihan kumpulan penentang ataupun ahli gerakan bawah tanah dalam menjalankan kerja-kerja sabotaj ketenteraan dan operasi sulit. Kaedah ini dilihat amat efektif dalam memusnahkan atau membunuh sasaran dengan tepat serta terbukti keberkesanannya.

Antara faktor mengapa penggunaan jerangkap samar mendapat tempat dalam peperangan gerila adalah kerana senjata tersebut amat mudah dihasilkan, ringkas serta tidak memerlukan kos yang tinggi. Melalui pembelajaran asas cara membuat jerangkap samar, seorang operator lapangan ataupun gerila mampu menghasilkan sesebuah jerangkap samar hanya dengan menggunakan bahan-bahan terpakai ataupun bahan kegunaan harian yang boleh didapati di

pasar raya. Gerila Viet Cong di Vietnam telah membuktikan bahawa mereka mampu membina jerangkap samar dengan menggunakan sampah sarap dan bahan buangan yang ditinggalkan oleh Tentera Darat Amerika Syarikat dan Tentera Vietnam Selatan.

Tambahan pula, jerangkap samar menjadi bertambah efektif apabila sangat mudah untuk disembunyikan ataupun ditanam di kawasan yang strategik bagi meningkatkan nilai kemusnahan sampingan dan kematian pihak musuh yang terpijak jerangkap samar tersebut. Era pemberontakan bersenjata kedua PKM 1968–1989 telah menunjukkan perkembangan penggunaan jerangkap samar sebagai kaedah utama dalam melaksanakan taktik dan strategi peperangan gerila oleh PKM. Penggunaan jerangkap samar telah memberikan kelebihan strategik kepada PKM untuk memperlahankan pergerakan pasukan keselamatan yang memburu mereka dari semasa ke semasa. Dalam pada itu, kesan penggunaan jerangkap samar bukan sahaja terbukti keberkesanannya daripada segi kecederaan fizikal namun mampu menggugat semangat daya juang dan moral pasukan keselamatan.

Pada masa yang sama, unit-unit khas telah ditubuhkan dalam ketumbukan pasukan keselamatan bagi memastikan jerangkap samar mampu dimusnahkan secara efektif serta berterusan ketika era pemberontakan bersenjata kedua PKM 1968–1989. Antara unit yang memikul beban tanggungjawab yang besar dalam memusnahkan jerangkap samar dan periuk api yang ditanam oleh gerila-gerila PKM ialah Kor Jurutera daripada RAJD. Penggunaan alat pengesan periuk api sedikit sebanyak telah mengubah landskap peperangan hutan apabila alat tersebut berjaya memberikan impak yang besar bagi memudahkan anggota pasukan Jurutera Tempur Medan mengesan dan memusnahkan jerangkap samar di sekitar hutan-hutan simpan Semenanjung Malaysia. Namun demikian, kaedah pengesanan jerangkap samar secara manual iaitu dengan menggunakan deria penglihatan merupakan kunci asas kepada kejayaan pasukan keselamatan ketika era pemberontakan bersenjata kedua PKM 1968–1989 dalam usaha mengesan lokasi tempat jerangkap samar dipercayai ditanam oleh gerila-gerila PKM.

Kemahiran peperangan hutan yang telah ditunjukkan oleh anggota pengesan amat tinggi. Hasil daripada didikan, latihan serta kursus khas peperangan hutan yang diterapkan oleh ATM dan PDRM telah membuahkan hasil yang positif, khususnya bagi pasukan keselamatan dalam mencari dan memusnahkan jerangkap samar ketika era pemberontakan bersenjata kedua PKM 1968–1989. Pihak ATM sentiasa mengambil iktibar daripada sejarah pemberontakan PKM di Malaysia yang berlangsung selama 41 tahun (1948–1989). Oleh hal yang demikian, sebagai langkah untuk memastikan kesiapsiagaan anggota ATM dalam melaksanakan taktik peperangan bukan konvensional sentiasa berada

pada tahap terbaik, pusat-pusat latihan ATM telah mewajibkan anggota mereka menghadiri kursus pengendalian bahan letupan, jerangkap samar serta periuk api, terutamanya kepada Pegawai Muda Tentera Darat Malaysia, yang dijalankan di Pusat Latihan Peperangan Tentera Darat, Ulu Tiram, Johor.

Sementara itu, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) juga mempunyai Markas Selam dan Peperangan Periuk Api di Pangkalan TLDM Lumut, Perak sebagai pusat latihan bagi melatih Juruselam Tempur TLDM dalam mengendalikan periuk api serta bahan letupan di bawah laut. Usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak ATM ini telah menunjukkan betapa seriusnya bagi mereka untuk memastikan anggota-anggota perkhidmatan ATM terlatih secara profesional dalam mengendalikan ancaman melibatkan jerangkap samar dan letupan pada masa hadapan. Perkara ini boleh menjadi contoh dan teladan kepada negara-negara luar bagaimana negara kecil seperti Malaysia mampu menguruskan ancaman melibatkan jerangkap samar terutamanya ketika konflik pemberontakan bersenjata kedua PKM 1968–1989.

Penghargaan

Ucapan penghargaan serta terima kasih diucapkan kepada pihak Arkib Negara Malaysia terhadap bantuan yang telah diberikan bagi mendapatkan dokumen rasmi sepanjang proses penyelidikan dijalankan.

Rujukan

Amer Fawwaz Mohamad Yasid. 2016. Peranan Pasukan Cawangan Khas Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam menangani ancaman komunis, 1968–1989. *Sejarah: Journal of the Department of History* 25(2): 18–35. https://doi.org/10.22452/sejarah.vol25no2.2

ANM 2006/0007819. 2006. *The Communist threat to the Federation of Malaya* 1959. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

Bern, V.D. 1965. *Total resistance*. New York: Paladin Press.

Esposito, R. dan Gerstein, T. 2007. *Bomb squad*. London: Hyperion Books.

Francis, J. 2008. *The turbulent years in Perak: A memoir*. Perak, Malaysia: Arah Sigma.

Green, P.R. 1991. *Ammunition for the land battle*. New York: Brassey's.

Ho, H.L. 2015. *Pergerakan bersenjata Parti Komunis Malaya: Kebangkitan semula dan penumpasannya*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Kementerian Dalam Negeri. 1971. *Munchulnya anchaman kominis bersenjata di Malaysia Barat*. Kertas Putih Rasmi Kerajaan Malaysia. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia.

Laqueur, W. 1977. *Guerrilla: A historical and critical study*. New York: Weidenfeld and Nicolson. https://doi.org/10.4324/9780429046896-8

Leong, C.W. 2012. *Scorpio on the dragon demise: The Second Malayan Communist Insurgency Emergency* 1970–1990. California: Rocky Mountain Press.

Lewis, J.E. 2001. *The SAS combat handbook*. London: Lyons Press.

Mohd Reduan Haji Asli. 1993. *Pemberontakan bersenjata komunis di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Navaratnam, A.V. 2001. *The spear and the kerambit: The exploits of* VAT 69, *Malaysia's elite fighting force* 1968–1989. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

Ramlah Adam. 2014. *Pahlawan tegar merdeka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rafidah Dahari, Nor Azizan Idris and Zarina Othman. 2019. Influencing external factors for small arms light weapon smuggling at Malaysia-Thailand border. *Asian Social Science* 15(3): 14–25. https://doi.org/10.5539/ass.v15n3p14

Rottman, G.L. 2007. *Viet Cong fighter*. London: Osprey Publishing.

Rottman, G.L. 2006. *Viet Cong and North Vietnamese Army tunnels and fortifications of the Vietnam War*. London: Osprey Publishing.

Rottman, G.L. 2010. *World War II Allied sabotage devices and booby traps*. London: Osprey Publishing.

Sharom Hashim. 2001. *Tentera darat menentang insurgensi komunis* 1968–1989. Kuala Lumpur: Markas Tentera Darat, Kementerian Pertahanan Malaysia.

Syed Othman Syed Omar. 2014. *Memoir*. Kuala Lumpur: Summer Slam Publishing.

United States Department of the Army. 1965. *US Army guide to boobytraps: Field manual no.* 5–31. Washington, DC: Department of the Army.